

Headline	Bekalan elektrik pulih empat hari lagi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	177 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,495		



# Bekalan elektrik pulih empat hari lagi

SEREMBAN 12 Dis. - Bekalan elektrik yang terjejas di beberapa kawasan di Pahang akibat banjir dijangka dapat dipulihkan dalam tempoh empat hari lagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pada masa ini, seramai 859 pengguna di negeri itu masih mengalami gangguan bekalan elektrik melibatkan kawasan Maran, Jengka, Lipis, Muadzam, Pekan dan Triang.

Beliau berkata, perkara itu berlaku kerana bekalan elektrik ke 17 buah pencawang atau sistem pembekal voltan rendah perlu dimatikan atas faktor keselamatan.

"Bergantung kepada faktor cuaca, bekalan dijangka dapat dipulihkan sepenuhnya dalam tempoh empat hari lagi.

"Sementara itu, bekalan elektrik telah dipulihkan sepenuhnya

di Terengganu, Kelantan dan Johor," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja ke stesen pam kumbahan Desa Dahlia di Senawang dan projek pembentungan Lobak di sini hari ini.

Menurutnya, anggaran kos yang akan ditanggung oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi kerja-kerja pembaikan dan pemulihan be-

kalan adalah sebanyak RM3.86 juta.

"Selain itu, TNB juga menyumbang lebih RM60,000 kepada mangsa banjir di Pahang, Terengganu dan Johor," katanya.

Sementara itu, Mahdzir memberitahu, sebanyak 40 loji rawatan kumbahan di Pahang mengalami kerosakan akibat banjir.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 13 loji sudah dibaik pulih manakala 27 loji masih belum boleh dibaiki kerana perlu menunggu banjir surut.

"Sebanyak 11 loji di Terengganu dan dua di Johor turut mengalami kerosakan dan belum dibaiki. Kerja membaik pulih mengambil masa dua minggu untuk disiapkan tetapi bergantung kepada keadaan cuaca," katanya.

**Sebanyak 11 loji di Terengganu dan dua di Johor turut mengalami kerosakan dan belum dibaiki. Kerja membaik pulih mengambil masa dua minggu untuk disiapkan tetapi bergantung kepada keadaan cuaca**

**MAHDZIR KHALID**

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

